



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### PELANCARAN RANCANGAN REALITI TV INOVASI: INNOVATHON

---

**KUALA LUMPUR, 15 April 2023** – Sebuah inisiatif bersama Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui rancangan realiti TV yang dikenali INNOVATHON telah dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi di Majlis Pra-Pelancaran INNOVATHON di sini semalam. Turut hadir YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) dan pegawai kanan MOSTI.

INNOVATHON merupakan sebuah rancangan realiti TV yang bakal disiarkan melalui saluran Astro bagi membolehkan inovator tempatan dari pelbagai peringkat mengetengahkan idea dan hasil ciptaan teknologi dan inovasi kepada rakyat Malaysia umumnya dan mencari potensi untuk mendapatkan pelaburan dalam pengkomersialan produk inovasi berkenaan.

MOSTI yang menerajui Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan pemerksaan ekosistem *startup* tempatan melalui Pelan Hala Tuju Ekosistem *Startup* Malaysia (SUPER) 2021-2030, menjemput semua yang berdaya inovasi termasuk usahawan teknologi, penyelidik, *startup* dan pelajar untuk turut menyertai INNOVATHON. Program ini dapat meningkatkan lagi minat dan penglibatan rakyat Malaysia dalam STI selaras dengan slogan MOSTI iaitu 'Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi.'

Enam (6) sesi uji bakat akan diadakan di seluruh Malaysia bagi mencungkil bakat-bakat inovator sedia ada dan seterusnya dibimbing serta dibantu oleh mentor-mentor yang berkelayakan dalam ekosistem penyelidikan, pembangunan dan inovasi sepanjang episod mingguan berlangsung. Sebanyak lapan (8) episod INNOVATHON melibatkan 56 peserta yang telah melepasi proses saringan di sesi uji bakat akan disiarkan.

Para peserta berpeluang memenangi hadiah wang tunai dan pelaburan jenis perkhidmatan sehingga RM1 juta bagi menambah baik dan mengkomersialkan produk inovasi mereka. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan had umur. Peserta perlu menyediakan klip video berdurasi 1 minit dan dihantar melalui e-mel ke [inovasi@astro.com.my](mailto:inovasi@astro.com.my) selewat-lewatnya pada 7 Mei 2023.

MOSTI yakin pelaksanaan program ini akan melonjakkan lagi pembudayaan STI di semua peringkat dan seterusnya dapat melahirkan bakat-bakat teknologi/usahawan berdaya cipta selari dengan aspirasi Malaysia Madani dan menjadi pelengkap kepada ekosistem teknologi tempatan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan juga percambahan syarikat-syarikat pemula (*startup*) dan perkembangan ekosistem *startup* tempatan. Pengukuhan ekosistem penyelidikan, pembangunan dan inovasi tempatan memacu pertumbuhan ekonomi dan transformasi negara ke arah negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

**### TAMAT ###**

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**15 APRIL 2023**